

**Perkembangan Persatuan Tiga Kaum Utama Di Tanah  
Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua**  
*The Development Of Societies By The Three Main Ethnic In Malaya Before  
The Second World War*

Faezah Kassim<sup>1</sup>

**ABSTRAK**

*Persatuan yang terdapat di Malaysia telah melalui proses evolusi yang menarik kerana ia bermula dan berkembang bersama masyarakat majmuk di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Tumpuan tempoh perkembangan adalah sebelum Perang Dunia Kedua kerana masyarakat majmuk telah membesar dan semakin jelas kegiatan awal untuk berpersatuan dalam kalangan kaum Melayu, Cina dan India. Oleh itu bagi memahami perkembangan awal persatuan dengan lebih mendalam, tumpuan atau objektif kajian adalah dengan mengenalpasti faktor penubuhan persatuan dan menjelaskan keperluan persatuan kepada ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif mengikut tema. Penelitian adalah berdasarkan kepada sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri dari dokumen rasmi, surat rasmi dan akhbar. Fail dari Pejabat Suruhanajaya Tinggi (HCO), fail Pejabat Tanah Jajahan CO 273, laporan tahunan negeri-negeri, Warta Kerajaan, fail pejabat setiausaha kerajaan negeri menjadi sumber bagi melihat perkembangan masyarakat dan isu tempatan. Sumber sekunder adalah dari buku, jurnal, kertas kerja, latihan ilmiah, tesis di peringkat sarjana serta doktor falsafah. Kajian ini mendapati bahawa tercetusnya usaha menubuhkan persatuan adalah untuk menyatukan kaum Melayu dalam memperbaiki ekonomi, sosial dan politik serta menghalang perkembangan pengaruh kaum Cina dan India. Bagi kaum Cina dan India pergolakan politik yang berlaku di negara asal telah menggalakkan penubuhan persatuan. Selain itu, pelbagai persatuan ditubuhkan mengikut keperluan dan kepentingan mereka dari segi ekonomi dan sosial yang mana kebanyakannya adalah berasaskan kepada kebiasaan dan amalan budaya yang diwarisi dari negara asal.*

**Kata kunci:** persatuan, kaum Melayu, kaum Cina, kaum India.

**ABSTRACT**

*The societies found in Malaysia have undergone an exciting evolutionary process due to the fact that it began and developed with the plural society of Malaya sometime ago. The focus of development was prior to the Second World War because the plural society had grown and became more aware of the need for activities to unite the Malays, Chinese and Indians. Therefore, in order to understand the early developments of these societies at a deeper level, the focus or objective of this study is to identify the factors of their establishment and clarify the needs for the creation of these societies for the three races – the Malays, Chinese and Indians. This study uses a qualitative analysis approach in line with the theme. This research is based on primary and secondary sources. Primary sources consist of official documents, official letters and newspaper clips. Meanwhile, files from the High Commissioner's Office (HCO), the CO 273 Land Office file, the states' annual reports, Government Gazettes and the state secretary's office files are used as sources for gathering information about community development and local issues. Secondary sources are from books, journals, papers, scientific exercises, master's and doctoral theses. The study found that the establishment of societies*

---

<sup>1</sup> Faezah Kassim, Calon PhD., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, faezahkassim@um.edu.my.

*was to unite the Malays in improving their economic, social and political positions and to diminish the influences of the Chinese and Indian communities. Meanwhile, for the Chinese and Indians, political upheavals in their countries of origin have encouraged the establishment of their respective societies. In addition, various societies were set up according to their economic and social needs and interests, most of which are based on customs and cultural practices inherited from the home countries.*

**Keywords:** *society, Malay, Chinese, Indian.*

## **Pengenalan**

Pengukuhan pemikiran, nilai budaya kaum dan nasionalisme yang berlaku dalam sesebuah masyarakat memerlukan suatu organisasi yang sistematik bagi memastikan pengekaln elemen warisan kaum berkesinambungan dan diturunkan kepada generasi seterusnya. Bagi merealisasikan hasrat ini, penubuhan organisasi atau persatuan telah dilakukan oleh golongan yang mempunyai matlamat dan objektif tertentu. Dalam keadaan ini, persatuan memainkan peranan penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat terutamanya yang mempunyai tujuan yang khusus dan jelas keperluan penubuhan tersebut.

Bagi memahami apakah yang mencetuskan penubuhan persatuan yang terdapat dalam masyarakat di Malaysia, perlu untuk kita melihat mengenai perkembangan persatuan pada peringkat awal lagi kerana di situlah dapat dilihat asas matlamat dan objektif penubuhannya. Perkembangan awal bagi penubuhan persatuan membolehkan untuk memahami faktor yang mencetuskan kepada keperluan dan kepentingan organisasi tersebut. Penubuhan persatuan di peringkat awal perkembangan di Tanah Melayu memperlihatkan asas mempertahankan kepentingan dan kedudukan kaum mereka untuk membina identiti kaum yang diwarisi dari negara asal penghijrah. Justeru, kajian ini menumpukan analisis ke atas perkembangan persatuan berdasarkan kepada tiga kaum utama yang membentuk masyarakat majmuk di Tanah Melayu iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Huraian dilakukan mengikut kaum dan perkembangan persatuan yang berlaku di dalamnya. Pemilihan tempoh pada sebelum Perang Dunia Kedua adalah disebabkan ketika itu telah kelihatan semakin giat tumbuhnya persatuan-persatuan yang mewakili kaum di Tanah Melayu. Arah tuju dan bagaimana persatuan tersebut telah memberi impak kepada hubungan kaum dan pentadbiran British juga semakin ketara dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua ini.

## **Kajian Literatur**

Terdapat beberapa sarjana yang membincangkan mengenai persatuan secara umum antaranya ialah Parson (1960) yang menyatakan persatuan atau organisasi adalah “a social system which is deliberately constructed and reconstructed to seek specific goals or values”). Manakala, Strati (2000) menyebut bahawa organisasi adalah,

*The word itself denotes all the meanings comprised in its etymon namely those of physical organ or instrument relating to the Greek word organon, and the meanings to do with the performance, work, execution and office which pertain to the other Greek word ergon. Reference to the etymological meaning of the term yields an instrumental view of the organization as a human artifact designed to achieve one or more objectives.*

Menurut Strati (2000) lagi, dua aspek utama yang menunjukkan keperluan terhadap pertubuhan iaitu fungsi sebagai suatu organ fizikal untuk melaksanakan tugas berkaitan dengan pencapaian satu atau lebih objektif yang tertentu. Kailasan (2015) pula menekankan perbincangan beliau kepada tujuan penubuhan persatuan. Menurut beliau, aspek-aspek yang perlu dilihat ialah perkara yang diperjuangkan dan pendirian terhadap isu yang berkaitan atau isu menarik minat masyarakat tersebut.

Phillips (1969) pula dengan jelas menyatakan matlamat organisasi bukanlah sesuatu yang tetap dan tidak berubah tetapi boleh dibina semula berasaskan kepada interaksi ahli organisasi tersebut dengan persekitaran. Apabila organisasi membina semula matlamat, ia juga mengubah norma dan corak interaksi. Organisasi juga sudah pasti memberi kesan atau impak kepada pihak yang berada di sekeliling. Bagi mengupas mengenai persatuan secara keseluruhan antaranya boleh dilihat kepada matlamat dan nilai yang didokong di dalam sesebuah persatuan iaitu bagaimana matlamat persatuan berkaitan dengan persekitaran luar dan bagaimana matlamat tersebut berkaitan dengan ahli persatuan.

Kajian terhadap perkembangan persatuan yang mengkhusus kepada kaum boleh dilihat antaranya ialah tulisan Radin Soenarno (1960) yang menghuraikan tentang golongan yang memainkan peranan dalam perkembangan nasionalisme dan penubuhan persatuan. William R. Roff (2003) menekankan kepada perkembangan nasionalisme Melayu dan membincangkan tentang peranan persatuan dalam membangkitkan semangat nasionalisme dengan isu-isu yang berlaku. Mohammad Redzuan Othman (2008) pula melihat bagaimana persatuan yang ditubuh oleh orang Melayu digunakan untuk menyampaikan suara hati atau hasrat orang Melayu kepada pemerintah.

Edwin Lee (1991) dan Thock Ker Pong (2007), menyentuh tentang penubuhan persatuan dialek kaum Cina dan bagaimana dialek mendorong orang Cina untuk mencari rakan-rakan yang mempunyai dialek dan tempat asal yang sama seterusnya membentuk persatuan. Peranan atau fungsi persatuan kaum Cina dibincang oleh Chee Liew Seong (1971). Persatuan atau *Huiguan* bertanggungjawab mengekalkan adat resam dan tradisi serta upacara keagamaan dalam kalangan penghijrah Cina. Adat dan amalan tradisi ini berkait rapat dengan ajaran Konfusius yang menegaskan tanggungjawab seseorang anak kepada ibu bapa.

Kajian terhadap perkembangan persatuan kaum India pernah dilakukan oleh Subramaniam (2014) yang melihat perkembangan persatuan era 1930an dipengaruhi oleh perkembangan nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan di India. Kesannya, perhatian dan tindakan pelbagai pertubuhan kaum India di Tanah Melayu termasuk pertubuhan agama Hindu telah terarah kepada semangat nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan negara India. Hal ini telah membolehkan pelbagai pertubuhan orang India di Tanah Melayu menjalinkan hubungan persahabatan sesama mereka dan meningkatkan kerjasama. Arasaratnam (1970, 1971/1972) pula membincangkan tentang peranan agama Hindu dalam menubuhkan persatuan di era 1900-an. Kesedaran serta penghayatan ajaran agama Hindu di Tanah Melayu telah kelihatan dalam kalangan orang Tamil Sri Lanka, golongan Chettiyar dan orang India yang berpendidikan. Kesedaran ini tercetus apabila golongan di atas terlibat dalam aktiviti sosial dalam kelab rekreasi tertentu.

Sehubungan itu, jelas bahawa persatuan telah ditubuhkan oleh sekumpulan anggota sesebuah masyarakat dengan mempunyai tujuan dan matlamat. Fungsi persatuan telah menjadikannya sebuah organisasi milik masyarakat yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam segala aspek kehidupan masyarakat tersebut. Sesungguhnya bagi memahami kehendak atau keinginan sesebuah komuniti serta mengetahui keadaan yang sebenar berlaku pada sesuatu tempoh, penelitian terhadap pertubuhan atau persatuan adalah perlu untuk dilakukan. Perbezaan latar belakang sesebuah kaum itu telah menjadi asas kepada keunikan bagi persatuan yang ditubuhkan. Perbincangan mengenai perkembangan persatuan adalah berdasarkan kepada tiga kaum utama di Tanah Melayu yang membentuk masyarakat majmuk

ketika itu. Kaum-kaum tersebut adalah Melayu, Cina dan India dan mereka mempunyai persatuan yang jelas perkembangannya sebelum perang dunia kedua.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif mengikut tema. Analisis di dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor penubuhan persatuan dan menjelaskan keperluan persatuan yang telah ditubuhkan kepada anggota masyarakat. Kesemua ini dapat dilihat berdasarkan kepada penelitian ke atas perkembangan persatuan sesuatu kaum mengikut sumber-sumber yang diperoleh untuk kajian ini.

Dalam kajian ini, pelbagai sumber primer dan sekunder telah diteliti bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas berkaitan tajuk kajian. Sumber primer terdiri dari dokumen rasmi, surat rasmi dan akhbar. Fail dari Pejabat Suruhanajaya Tinggi (*HCO*), fail Pejabat Tanah Jajahan *CO 273* dan Laporan tahunan negeri-negeri digunakan bagi mendapatkan sebahagian besar data dan maklumat dalam segala aspek mengenai masyarakat. Fail pejabat setiausaha kerajaan negeri menjadi sumber bagi melihat perkembangan masyarakat dan isu tempatan. Laporan tahunan negeri-negeri seperti *Administration Report*, *Annual Report Federated Malay States*, *Annual Report of the States*, *Annual Report on the Social and Economic Progress*, *Federal Council Proceedings* dan sebagainya merupakan sumber primer yang paling banyak dianalisis.

Sumber sekunder adalah dari buku, jurnal, kertas kerja, latihan ilmiah, tesis di peringkat sarjana serta doktor falsafah yang mana kesemuanya merupakan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu.

### **Perkembangan Persatuan Kaum Melayu**

Tahap awal perkembangan persatuan dilihat berlaku pada penghujung abad ke-19. Perkembangan ini berlaku dalam kalangan Melayu yang tinggal di kawasan bandar di Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang mula menunjukkan keinginan berpersatuan. Keadaan ini berlaku kerana terdapatnya tekanan ekonomi dan sosial yang besar terhadap mereka dan merasakan perlunya untuk orang Melayu mengukuhkan kedudukan dengan memperbaiki kelemahan. Perkembangan ini telah melahirkan golongan yang berperanan dalam memberi kesedaran melalui isu seperti kesetiaan kepada agama, bahasa dan ikatan bangsa yang menjadi ciri penentu keperibadian sosial. Menjelang tahun 1910 didapati kelab dan persatuan telah bertambah jumlahnya di bandar dan kampung besar. Persatuan yang paling banyak ditubuhkan adalah kelab sosial, olahraga dan bola sepak. Terdapat juga persatuan yang khusus untuk golongan tertentu seperti Kelab Kastam Zaria di Kuala Kangsar yang anggotanya terdiri daripada golongan Melayu aristokrat dan pegawai kerajaan. Penubuhan persatuan ini juga adalah untuk menjalankan aktiviti bola sepak, tenis, catur dan terup (Roff, 2003).

Perkembangan persatuan sehingga akhir tahun 1920-an memperlihatkan keadaan di mana orang Melayu masih belum menubuhkan persatuan yang mempunyai elemen politik tetapi British telah mulai bimbang dengan sikap orang Melayu yang menunjukkan minat untuk bersatu melalui penubuhan persatuan. Pesuruhjaya Tinggi, Sir Laurence Guillemard melaporkan kepada Pejabat Kolonial di London bahawa orang Melayu telah maju ke depan sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana mereka telah semakin berpendidikan (Khoo, 1991). Dalam tempoh ini, cendekiawan Melayu yang berpendidikan Melayu, Islam dan Inggeris telah menyuarakan “kepentingan kebangsaan”. Perkembangan ini mencetuskan

kesedaran perlunya untuk bersatu melalui penubuhan persatuan oleh orang Melayu dalam menyampaikan suara tersebut (Mohammad Redzuan Othman, 2008).

“Kepentingan kebangsaan” sebagaimana yang diketengahkan oleh orang Melayu bukanlah bersifat seruan politik untuk menentang penjajahan. Terdapat orang Melayu telah sedar tentang perlunya menjaga hak mereka dan menentukan kepentingan Melayu mengikut contoh yang dijalankan dalam gerakan nasionalis Indonesia. Kumpulan paling radikal pada mulanya terdapat dalam kalangan penuntut Melayu di Kaherah (Roff, 2003). Pada tahun 1906 hingga 1926, orang Melayu melalui tahap pertama iaitu tahap pengaruh agama. Di Mesir dan Turki, gerakan reformis yang diikuti dengan kesedaran nasionalisme sedang bangkit di negara-negara tersebut. Dalam kalangan orang Melayu tidak terdapat sebarang pertubuhan ketika ini tetapi telah mula menunjukkan minat dalam politik tetapi hanya tertumpu kepada perkembangan politik yang berlaku di negara asing. Ketika ini tidak banyak idea berpolitik di peringkat tempatan tersebar dalam kalangan orang Melayu tetapi mereka telah mula prihatin dengan persekitaran mereka antara isu yang sering diketengahkan adalah tentang penilaian terhadap kepercayaan dan amalan agama Islam (Radin Soenarno, 1960).

Gerakan yang semakin berkembang ini telah mendorong pemikiran orang Melayu ke arah Pan-Islamik. Keadaan ini juga sedikit sebanyak telah mengubah fokus ketaatan orang Melayu seperti mana menurut Radin Soenarno (1960) iaitu “The Malay loyalty was temporarily transferred from the local Sultans to Islam”. Namun, pada ketika itu tidak semua orang Melayu menyokong gerakan ini kerana terdapat kritikan terhadap golongan ini telah diluahkan secara terbuka oleh segelintir orang Melayu yang mahukan supaya kelas pemerintah dan rakyat menumpukan kepada perkembangan yang berlaku dalam negeri sahaja. Perkara ini dinyatakan di dalam akhbar Warta Malaya (5 Mac 1938),

*Dari waktu ini saya berharap kehadiran Sultan Melayu dan rakyat Melayu janganlah memikirkan negeri yang jauh daripadanya seperti Spain, Mesir, Habsyah dan lainnya sekalipun negeri itu teladan kepada Tanah Melayu kerana negeri2 itu tidak bersangkutan dengan Tanah Melayu. Dan berikhtiarlah kita bagaimana jalannya kita hendak menghalau balik bangsa asing ke negerinya. Bangsa2 kedua itu (Cina dan India) memang menjadi racun kepada bangsa Melayu. Apa tidak? Dan banyak perkara yang sudah dibongkarnya seperti Undang2 MCS dan lainnya kalau boleh ia hendak mencapainya hairan!*

Kesedaran untuk menyatukan orang Melayu berlaku apabila gerakan yang menuju ke arah nilai yang dapat memperbaiki masyarakat telah dilaksanakan melalui penubuhan persatuan dan tulisan keagamaan di akhbar yang semakin bertambah. Akhbar tersebut antaranya ialah Neracha, Warta Malaya, Al-Ikhwan dan Saudara. Penyatuan orang Melayu mula menampakkan bibit awal apabila kepentingan terhadap kerjasama dan semangat kebersamaan mula dicetuskan. Pada peringkat ini ajaran Islam adalah elemen utama yang mencetuskan semangat tersebut. Kebimbangan terhadap orang Melayu adalah sikap mereka yang mengabaikan ajaran Islam dan merupakan punca melemahkan orang Melayu kerana tidak mengikut saranan mengamalkan sikap tolong menolong dan bekerjasama bagi memajukan diri (Radin Soenarno, 1960).

Islam telah menyebabkan berlakunya penyatuan dalam kalangan penganutnya walaupun bukan daripada keturunan Melayu. Golongan Muslim bukan Melayu merupakan golongan yang mahukan orang Islam bersatu atas dasar agama. Penyatuan orang Islam atas dasar agama ini menjadi asas perjuangan mereka kerana golongan Muslim bukan Melayu kebanyakannya terdapat di Negeri-negeri Selat dan merupakan rakyat British yang sama rata sahaja kedudukannya dan tiada keistimewaan diberikan kepada orang Melayu (*The Straits Times*, 17 Ogos 1939). Golongan yang mengenengahkan kesedaran terhadap kerjasama dan kebersamaan ini kebanyakannya daripada kalangan orang Jawi Peranakan yang

berpengetahuan Inggeris, yang bekerja dalam pentadbiran di bandar dan juga daripada orang Arab serta peniaga Melayu yang terlibat dalam saingan ekonomi Cina. Mereka tidak menyeru kepada kesetiaan perkauman tetapi kesetiaan kepada bahasa dan agama. Mereka juga adalah golongan yang terlebih dahulu sedar akan kedudukan kaum Melayu Islam yang ketinggalan dari segi ekonomi (Roff, 2003).

Menjelang pertengahan dekad 1920-an, persatuan masih lagi merupakan pertubuhan berasaskan aktiviti sosial, kebudayaan dan ekonomi. Tiada satu pun yang secara langsung memainkan pengaruh politik atau mendakwa mereka bersuara atas nama kumpulan politik. Kebanyakan pertubuhan dan akhbar anak negeri sebaik sahaja diterbitkan akan menegaskan bahawa mereka tidak akan melanggar atau bertindak di luar undang-undang negeri (Roff, 2003, 1994; Rustam A. Sani, 2011). Orang Melayu telah melihat bagaimana British bertindak terhadap kongsi gelap dan gerakan yang bersifat politik dalam kalangan kaum Cina. Orang Melayu tidak mahu dilabel sebagai penentang pemerintah dengan tertakluk kepada Akta Pertubuhan tahun 1920. British berpendirian bahawa golongan Melayu yang tidak mengikut undang-undang yang dilaksanakan oleh mereka adalah penentang mereka. Akta ini bertujuan memastikan semua pertubuhan mesti berdaftar supaya mudah British mengawasi pergerakan, perancangan dan matlamat pertubuhan tersebut (Ishak Saat, 2011).

Gerakan persatuan pada ketika itu sebenarnya telah mempunyai elemen nasionalisme tetapi dengan cirinya yang tersendiri iaitu kesan reaksi orang Melayu terhadap kebimbangan peningkatan jumlah imigran dan persaingan dari segi ekonomi (Rustam A. Sani, 2011). Reaksi yang menunjukkan orang Melayu telah prihatin dengan persekitaran dan kedudukan mereka adalah berikutan tindakan British antaranya yang membenarkan orang bukan Melayu masuk ke kawasan penanaman padi. Tindakan tersebut dilakukan oleh British bagi membolehkan golongan imigran mengusahakan tanaman tersebut bagi mengatasi masalah pengangguran ketika berlakunya kemelesetan ekonomi. Usaha tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu hingga mereka menyatakan tindakan tersebut adalah "giving Malaya away to the foreigner" (Daud Latiff, 1977). Perubahan bentuk masyarakat yang ketara kemajmukannya dan persaingan ekonomi membawa kepada desakan hidup. British bimbang perubahan sikap orang Melayu dikhuatiri akan menyebabkan berlakunya penentangan terhadap British. Perkara ini pernah disebut oleh British pada tahun 1917 bahawa orang Melayu, "...does not up against *orang puteh* unless he is absolutely driven to it" (*F.M.S. Proceedings of Federal Council*, 1917).

Kebimbangan yang dinyatakan ini tidak menjadi satu isu besar dalam kalangan pentadbir British seluruhnya kerana kesedaran orang Melayu pada peringkat ini hanyalah usaha untuk mengengahkan kebimbangan mereka terhadap kaum lain yang semakin ketara dari segi jumlah dan menyuarakan tuntutan yang dilihat mampu mengugat kedudukan orang Melayu (Ishak Saat, 2011). Bagi orang Melayu yang bukan daripada kalangan atasan masih mempunyai rasa tidak percaya terhadap British. Kemunduran orang Melayu berlaku kerana menyerahkan kepercayaan dan harapan kepada kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka. Menurut golongan ini orang Melayu perlu bangun dan memelihara kedudukan mereka daripada dirampas oleh kaum asing (Warta Malaya, 7 Mac 1938).

Orang Melayu berpandangan British adalah elemen penguat kepada budaya politik tradisional orang Melayu dan dalam budaya politik Melayu segala urusan berkaitannya adalah urusan kelas pemerintah atau golongan Melayu elit. Dalam keadaan ini, sebarang usaha alternatif untuk menyampaikan tuntutan politik yang tegas oleh orang Melayu kelas biasa akan berhadapan dengan tentangan bahawa aktiviti tersebut adalah tidak berguna, dan dianggap sebagai menderhaka (Roff, 1968). Oleh itu, perkembangan organisasi yang bersifat persatuan politik waktu itu tidak mempunyai tujuan atau matlamat untuk mempengaruhi orang Melayu secara keseluruhannya dalam melakukan perubahan terhadap kedudukan mereka dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku. Walaupun keperluan

orang Melayu menyertai aktiviti ekonomi komersil disadari supaya dapat bersaing dengan kaum Cina dan India, namun, keprihatinan utama pergerakan penyatuan orang Melayu pada masa itu adalah untuk memelihara sistem politik Melayu tradisional iaitu kuasa politik negeri dipegang oleh raja iaitu pemerintah tempatan. Keadaan ini boleh dilihat kepada kebanyakan organisasi berasaskan negeri ditubuhkan dengan kebanyakan pemimpin direkrut dari kalangan anggota elit pemerintah tradisional (Rustam A. Sani, 2011).

Ketidakpuasan hati dalam kalangan orang Melayu dengan beraninya dinyatakan di dalam akhbar antaranya ialah Ibrahim Haji Yaakob di dalam *Majlis* pada tahun 1937 menyatakan wakil Melayu sepatutnya membela orang Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan (MPP) (Majlis, 18 Jun 1937). Beliau mengkritik sikap sesetengah wakil Melayu di dalam Majlis yang disebut sebagai ‘duduk diam’ sahaja. Bagi beliau sikap wakil seperti ini tidak memberi faedah kepada orang Melayu. Beliau dengan berani menyatakan, “...lupa tanggungannya kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Saya sebagai seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerti wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang-orang ramai atau khas pada pemakan-pemakan gaji” (Majlis, 11 Jun 1937).

Melihatkan perkembangan politik yang sedemikian rupanya, kritikan terhadap orang Melayu terus dilakukan melalui akhbar. Selain daripada kekangan oleh golongan Melayu elit terhadap kesedaran berpolitik dalam kalangan orang Melayu, sikap orang Melayu yang lebih gemar untuk berhibur dan berseronok juga pernah dikritik antaranya ialah tulisan daripada penulis Indonesia yang menyatakan 75 peratus daripada orang Melayu di Tanah Melayu masih lagi ketinggalan dan ini termasuklah dari aspek berpolitik. Orang Melayu lebih gemar berhibur daripada memikirkan perkara lain yang lebih penting bagi memajukan masyarakat (SP. 2006/0042190, Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad, 1929). Perkara ini jelas dilihat pada persatuan yang ditubuhkan oleh orang Melayu diistilahkan oleh mereka sendiri sebagai “tempat pelajaran dan bersuka-suka”. Sememangnya pada ketika itu, persatuan mempunyai tujuan untuk bersosial bagi masyarakat Melayu bandar terutamanya berkaitan dengan aktiviti kebudayaan atau olahraga (Roff, 2003).

Semangat kenegerian juga dilihat oleh orang Melayu berpendidikan telah menjadi penghalang kepada perkembangan patriotisme Melayu (Turnbull, 1974). Perpecahan lain yang wujud di dalam masyarakat Melayu telah diperluaskan oleh perasaan kenegerian yang kukuh di mana orang Melayu terdiri daripada ‘anak-anak negeri’ (seperti Melayu Kelantan, Melayu Perak dan sebagainya), orang-orang Melayu ‘DKA’ (Darah Keturunan Arab) dan ‘DKK’ (Darah Keturunan Keling) (Cheah, 1985). Pembahagian keahlian dalam persatuan antara orang Melayu dengan orang Arab serta Jawi Peranakan adalah ketara (Roff, 2003). Keadaan ini jelas wujud apabila terdapat persatuan yang ditubuhkan oleh orang Melayu boleh disertai oleh Muslim bukan Melayu tetapi telah dinyatakan di dalam setiap persatuan yang mempunyai peraturan mereka sendiri iaitu Muslim bukan Melayu apabila memasuki pertubuhan Melayu tidak dibolehkan untuk memegang sebarang jawatan atau mengundi (*The Straits Times*, 17 Ogos 1939).

Penebalan perkauman orang Melayu banyak dipengaruhi oleh golongan berpendidikan. Menyedari tentang kemampuan golongan Melayu berpendidikan dalam menyedarkan orang Melayu lain tentang kepentingan untuk menjaga ekonomi dan politik mereka, akhbar telah menyeru golongan ini untuk memainkan peranan (*Chenderamata*, Sept. 1932). Golongan berpendidikan ini dilihat dapat menilai kesan sesuatu dasar oleh pihak pemerintah kepada orang Melayu antaranya ialah dasar disentralisasi dan pro-Melayu serta ketinggalan dari segi ekonomi kerana orang Cina. Dasar disentralisasi dan kebangkitan pengaruh golongan aristokrat Melayu di negeri-negeri Melayu menggalakkan cerdik pandai nasionalis Melayu menegakkan perjuangan mengekalkan warisan budaya (Silcock & Ungku Abdul Aziz, 1966:). Keadaan ini berlaku menurut Wang Gungwu adalah kesan daripada

sikap golongan imigran yang dilihat semakin agresif terhadap isu politik di negara asal mereka. Orang Melayu juga telah menyedari tindakan British yang mula menggalakkan golongan imigran untuk menetap dan menjadi sebahagian masyarakat di Tanah Melayu (Wang, 2001).

Pencetus kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu dapat dibahagikan kepada tiga golongan yang berdasarkan aliran pendidikan mereka. Pertama, terdiri daripada pelajar yang tamat pengajian di madrasah dan pendidikan agama seperti Universiti Al-Azhar di Mesir. Terdapat dalam kalangan mereka yang berani dan terbuka dalam menuntut perubahan politik. Sifat seperti ini juga terdapat dalam golongan kedua iaitu mereka yang mendapat pendidikan aliran Melayu. Golongan ketiga adalah bersifat sederhana dalam berpolitik tetapi tetap mempertahankan hak Melayu daripada golongan imigran. Mereka ini mendapat pendidikan daripada aliran Inggeris (Jamilah Othman, 1984). Secara keseluruhannya, Terdapat dua aliran perkembangan sikap politik Melayu iaitu yang cenderung ke kanan dipelopori oleh orang Melayu kelas pertengahan dan atasan yang berpendidikan Inggeris, dengan ideologi, 'Malaya untuk orang Melayu'. Satu lagi aliran cenderung ke kiri yang menganjurkan tuntutan terhadap kebebasan semua rakyat yang tertindas di Tanah Melayu yang mana merupakan orang Melayu yang mendapat pendidikan Melayu (Radin Soenarno, 1960; Rustam A. Sani, 2011).

Hubungan tahap pendidikan dan institusi pendidikan dengan penubuhan serta perkembangan persatuan sememangnya jelas. Perbezaan dalam persatuan yang ditubuhkan adalah kesan daripada pendidikan dengan aliran berbeza yang dilalui oleh orang Melayu (Jamilah Othman, 1984). Roff (2003) menyatakan bahawa terdapatnya kecenderungan persatuan Melayu ketika itu membahagikan anggotanya mengikut kedudukan atau status ekonomi dan pendidikan. Kesan daripada pendidikan yang diterima oleh orang Melayu telah menyebabkan meningkatnya orang Melayu yang celik huruf. Mereka meminati bahan bacaan iaitu buku dan surat khabar. Sehingga pertengahan 1920-an, orang Melayu di bandar dan luar bandar yang terdiri daripada guru atau yang menerima pendidikan sekolah Melayu, agama dan Inggeris telah meningkatkan penggunaan bahan bacaan (Roff, 2003; Khoo, 1991). Ini membawa kepada perkembangan yang menarik kerana orang Melayu telah mula menubuhkan persatuan seperti *Malay Literary Society* yang ditubuhkan oleh Dato Abdul Razak, J. P bin Abdul Ghani pada 18 Mac 1924 (*Sel. Sec. 848/1925, Chinese Protectorate Annual Report 1924*).

Persatuan berasaskan negeri pada 1930-an adalah fenomena baru dalam masyarakat Melayu. Sebelumnya tidak pernah ada percubaan untuk memobilisasi orang Melayu dalam organisasi politik yang tegas. Organisasi yang dimaksudkan menunjukkan tahap awal penubuhan organisasi politik moden dengan struktur, kepimpinan, jawatankuasa dan keahlian yang moden. Pemimpin organisasi terdiri daripada mereka yang berpendidikan moden atau barat. Golongan pimpinan baru ini mendapat pelajaran di sekolah Inggeris dan di sekolah Melayu, mereka mendesak ditubuhkan organisasi kaum tetapi dalam bentuk yang moden. Organisasi tersebut bertujuan untuk mencapai perpaduan, setia kawan dan hubungan sosial yang berdasarkan kepada kesatuan bahasa dan agama (Rustam A. Sani, 2011). Persatuan kenegerian bermula dari Singapura iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada tahun 1926 (Rustam A. Sani, 2011; Abd. Aziz Ahmad & Alias Mohamed, 2004; Silcock & Ungku Abdul Aziz, 1966). Pergerakan persatuan seperti ini di semenanjung pula bermula dalam tahun 1935 berdasarkan kepada satu perjumpaan telah diadakan di rumah persatuan di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur bertujuan untuk menubuhkan sebuah pertubuhan politik (Roff, 1994).

Kesedaran berpolitik dalam kalangan orang Melayu menunjukkan perubahan antara tahun 1937 dan 1939 kerana berlakunya pertambahan persatuan di seluruh negara. Pada tahun 1937, cawangan KMS telah ditubuhkan di Melaka dan Pulau Pinang. Dua tahun kemudian,



ditubuh pula di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Province Wellesley (Radin Soenarno, 1960). Persatuan Melayu Selangor (PMS) telah mengambil peluang untuk berganding bahu bergerak dalam lapangan politik dengan KMS. Kedua-dua persatuan telah bekerjasama dan mengadakan beberapa kali kongres Melayu. Kongres yang pertama kali diadakan dalam tahun 1937 di Kuala Lumpur. Kongres yang kedua diadakan di dalam tahun 1938 di Singapura, kongres ketiga dalam tahun 1939 di Kuala Lumpur dan kongres keempat dalam tahun 1940 di Singapura (Abd. Aziz Ahmad & Alias Mohamed, 2004).

Sejak Jun 1938, PMS mulai bergerak dalam bidang politik tetapi terbatas iaitu suara yang diketengahkan adalah berbentuk rayuan kepada pihak pemerintah. PMS sedaya upaya memastikan bahawa persatuan tersebut tidak dilabel sebagai komunis atau Kaum Muda. Mereka tidak berani untuk menunjukkan bantahan yang keras atau menggunakan ayat Quran kerana tidak mahu dikatakan sealiran dengan golongan berpendidikan agama. Namun, perkara penting yang pernah diketengahkan oleh PMS adalah isu tanah simpanan Melayu. PMS mengkritik orang Melayu seolah-olah dikurung dan hanya hidup dalam lingkungan tanah tersebut sahaja sedangkan kaum asing seperti binatang buas diberi kebebasan untuk mengaut keuntungan di tanah yang lebih luas. Kritikan yang dikemukakan oleh PMS tidak diendahkan oleh pihak pemerintah. Selain itu, PMS juga pernah menuntut supaya Askar Melayu (*Malay Regiment*) diperbesar hingga kepada 10 batalion. Begitu juga desakan supaya Angkatan Udara dan Laut Tanah Melayu diwujudkan. PMS juga menggalakkan kemasukan orang Indonesia tetapi pada masa yang sama mahu supaya kaum bukan Melayu disekat daripada memasuki Tanah Melayu (Abd. Aziz Ahmad & Alias Mohamed, 2004).

Perkembangan yang penting berlaku dalam tempoh ini adalah terdapat tanda untuk menubuhkan persatuan Melayu secara lebih meluas yang melampaui batas daerah dan negeri, dengan tujuan untuk menjaga kepentingan orang Melayu (Roff, 1968; Mohd. Kornain bin Hashim, 1980). Berikutan daripada kemelesetan ekonomi, pengurangan kakitangan, pemusatan pemerintahan dan dasar pelajaran telah mendapat perhatian dalam kalangan orang Melayu dan isu-isu ini dibincangkan dengan meluas di dalam akhbar. Pada masa ini Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah antara persatuan atau pertubuhan yang membuka keahlian kepada orang Melayu dengan latar belakang yang pelbagai. KMM ditubuhkan pada tahun 1937. KMM membawa kepada pembahagian aliran dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Aliran perkembangan politik yang dimulakan KMM itu sering dianggap sebagai aliran politik kiri Melayu (Radin Soenarno, 1960; Rustam A. Sani, 2011).

Penubuhan persatuan yang bertujuan untuk membangkitkan semangat kebangsaan telah digerakkan sebahagian besarnya oleh golongan Melayu berpendidikan. Mereka menyeru orang Melayu untuk bersatu demi kebaikan bersama dan faedah generasi masa depan terutamanya dalam menghalang peningkatan jumlah dan pengaruh kaum asing di Tanah Melayu. Semangat tersebut timbul kerana orang Melayu merasa terganggu apabila soal perombakan semula pemusatan pentadbiran telah mendapat kritikan daripada kaum Cina dan India. Semasa berlakunya kemelesetan ekonomi, orang Cina dan India telah meminta dan mendapat bantuan daripada British bagi mengatasi masalah kesukaran hidup serta tuntutan peranan lebih besar dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan (Roff, 2003). Orang Melayu menunjukkan penyatuan yang kuat apabila bersama-sama mengengahkan soal memajukan ekonomi kaum Melayu akibat daripada penguasaan ekonomi oleh imigran, mendapatkan peluang yang lebih baik dalam pelajaran, membuang sikap yang menghalang kemajuan, dan mendapatkan kembali kuasa politik bagi raja Melayu adalah tema utama perjuangan kebangsaan ketika itu. Di peringkat ini, bagi menyedarkan orang ramai, media massa terutamanya akhbar telah menjadi alat yang paling berkesan (Ramlah Adam, 1979).

Perkembangan awal persatuan Melayu banyak dipengaruhi oleh semangat untuk mempertahankan hak orang Melayu. Kaum Melayu bimbang dengan jumlah kaum asing yang semakin membesar dan penguasaan mereka terhadap peluang ekonomi di Tanah Melayu.

Sebelum Perang Dunia Kedua, semangat berpersatuan orang Melayu bukanlah menentang penjajahan British tetapi menjurus kepada tujuan untuk menghalang kaum Cina dan India daripada merebut segala aspek peluang kehidupan. Namun terdapat juga persatuan yang sentiasa mengingatkan orang Melayu untuk memajukan diri supaya mereka dapat bersaing dengan kaum lain terutamanya dalam ekonomi dan pendidikan.

### **Perkembangan Persatuan Kaum Cina**

Persatuan dialek merupakan asas organisasi dalam kalangan orang Cina. Dialek tertentu menunjukkan wilayah tertentu dari mana asalnya sesebuah suku kaum, bandar atau pelabuhan dari mana mereka bertolak untuk pergi ke negara yang dihijrahi. Apabila mereka datang ke Tanah Melayu, mereka mencari rakan-rakan yang mempunyai dialek dan tempat asal yang sama. Inilah yang menjadi asas bagi mereka membentuk persatuan dialek (Lee, 1991). Kecenderungan ini mendorong mereka yang menggunakan dialek yang sama untuk tinggal, berkumpul dan berhibur bersama atas faktor keselamatan dan bantuan yang mana telah menyediakan keadaan yang kondusif untuk memulakan persatuan (Thock, 2007).

Kedatangan orang Cina secara berkumpulan mengikut dialek masing-masing telah membawa kepada usaha penubuhan persatuan dialek atau lebih dikenali sebagai *Huiguan*. *Huiguan* bertanggungjawab mengekalkan adat resam dan tradisi serta upacara keagamaan dalam kalangan penghijrah Cina. Adat dan amalan tradisi ini berkait rapat dengan ajaran Konfusius yang menegaskan tanggungjawab seseorang anak kepada ibu bapa. Walaupun seseorang itu jauh merantau, tanggungjawabnya kepada ibu bapa dalam menjalankan upacara pemujaan ke atas nenek moyang mesti terus dilakukan. Ini memperkukuhkan lagi pertalian seseorang dengan tempat asal atau tempat lahirnya. *Huiguan* terawal ialah Persatuan Chia Ying yang ditubuhkan di Pulau Pinang seawal tahun 1801. Namun sebelum kewujudan *Huiguan* sudah terdapat dua bentuk pertubuhan yang lain iaitu tokong dan pertubuhan tanah perkuburan antaranya ialah tokong Cheng Hoo Teng di Melaka tahun 1673 dan Guangfugong di Pulau Pinang pada 1799. Kedua-dua jenis pertubuhan ini merupakan perintis kepada penubuhan *Huiguan* (Chee, 1971). Setelah pembukaan Pulau Pinang dan peningkatan aktiviti perniagaan, *Huiguan* ini mula ditubuhkan di setiap negeri seperti Persatuan Hokkien di Taiping pada tahun 1859 (Wan Norhasniah Wan Husin, 2012).

Selain *Huiguan*, kaum Cina juga menubuhkan persatuan keluarga atau suku (*clan associations*). Pembentukan persatuan jenis ini adalah berdasarkan kepada pertalian darah iaitu kesamaan keturunan nenek moyang dan keperluan untuk mengamalkan adat resam tradisional terutamanya dalam hal pemujaan roh nenek moyang, sambutan perayaan dan pengurusan kematian. Sejarah penubuhan persatuan keluarga yang terawal di Tanah Melayu dikesan pada tahun 1819 iaitu penubuhan persatuan keluarga Ts'ao di Singapura (Thock, 2007). Suku pula dibentuk oleh mereka yang mempunyai nama keluarga yang sama dan mendakwa mereka daripada keturunan nenek moyang yang sama. Suku juga kemudiannya telah membentuk satu lagi organisasi iaitu kongsi gelap antaranya ialah suku Lim yang terlibat dalam peperangan dengan kongsi gelap yang dikenali dengan Ghee Hok pada tahun 1871-72 (Lee, 1991).

Kongsi gelap mempunyai sejarah penubuhan yang lebih awal daripada *Huiguan*. Pertubuhan ini mementingkan pembelaan ahlinya. Kewujudan kongsi gelap di Tanah Melayu telah dikesan oleh Francis Light di Pulau Pinang seawal tahun 1794 dan kekacauan yang disebabkan oleh kongsi gelap ini telah dicatat pada tahun 1799. Purcell (1960) berpendapat bahawa kongsi gelap di Malaya berasal dari *Thian Ti Hui* yang juga digelar *Hung League* atau *Triad Society* yang terdapat di tanah besar China. *Thian Ti Hui* yang ditubuhkan di China pada tahun 1674 merupakan organisasi kebajikan rakyat dan penentang Dinasti Ching.

Bentuk organisasi ini telah dibawa oleh imigran Cina dan golongan penentang kerajaan Ching yang melarikan diri daripada kezaliman ke Tanah Melayu.

Kongsi gelap Cina yang sering menimbulkan kekacauan telah menyebabkan pihak berkuasa mengambil tindakan untuk menghapuskannya. Mereka bukan sahaja menimbulkan huru-hara tetapi juga mewujudkan konspirasi menentang kepentingan awam. Kesan daripada kegiatan kongsi gelap ini telah mendorong kerajaan menguatkuasakan Ordinan Pertubuhan pada 1 Januari 1890. Kongsi gelap Cina dan sebarang penggunaan nama *kongsi* diharamkan. Namun, persatuan Cina yang bertujuan untuk menjaga kebajikan sosial dibenarkan terus berfungsi dan berdaftar dengan nama *huiguan* (Persatuan sekampung atau sedialek), *zongci* (Persatuan zuriat) dan *gonghu* (Persatuan Sekerja) (Yen, 2000).

Tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa British ke atas ahli kongsi gelap dari semasa ke semasa misalnya persatuan yang didaftarkan di negeri Perak adalah sebanyak 120 buah pada tahun 1919. Sembilan dakwaan telah dilakukan di bawah enakmen persatuan yang mana kesemua dakwaan tersebut membabitkan memiliki dokumen *Triad*. Menjelang akhir tahun 1919, hubungan antara pelbagai *Triad* yang berpusat di utara Perak dengan Kedah telah mulai disedari oleh pihak berkuasa dan berlakunya kejadian di mana organisasi *Triad* ini terlibat dengan jenayah bahaya (*Perak Administration Report*, 1919). Di Selangor misalnya pada tahun 1924, seramai tujuh orang telah dihukum di bawah *Societies Enactment* iaitu mempunyai hubungan dengan cawangan *Triad Society*. Pada tahun 1926, dua orang telah dibuang daerah di atas kesalahan yang sama (*Sel. Sec. 848/1925*, Chinese Protectorate Annual Report 1924).

Pengharaman kongsi gelap oleh British sejak tahun 1890 menandakan satu era baru dalam sejarah perkembangan *huiguan* di Tanah Melayu. *Huiguan* tidak lagi dibayangi oleh pertubuhan haram. Peristiwa itu telah meletakkan perkembangannya di landasan yang mantap dan utuh. Keadaan yang kondusif ini ditambah dengan kemasukan orang Cina yang semakin ramai pada penghujung abad ke-19. Kedatangan mereka telah membawa kepada penubuhan lebih banyak pelbagai persatuan dialek, keluarga dan perniagaan (Naosaku, 1960).

Persatuan perniagaan yang juga disebut *Pang* dalam kalangan orang Cina yang telah berhijrah adalah berasaskan kepada kekeluargaan dan kampung asal. *Pang* bukanlah persatuan yang mengikut persamaan bahasa dan budaya tetapi berasaskan ciri hubungan aktiviti ekonomi di kampung asal dan aktiviti ekonomi di petempatan baru. Terdapat dua jenis *pang* iaitu *pang* yang terdiri daripada ahli yang berasal dari wilayah yang sama dan jenis kedua ialah *pang* yang berasaskan jenis perniagaan. *Pang* yang paling penting adalah *pang* jenis pertama dalam membentuk persatuan orang Cina (Taku, 1962). Bermula antara tahun 1891 hingga 1941, persatuan jenis kedua berdasarkan perniagaan Cina iaitu *Chinese Chambers of Commerce* (CCC) telah ditubuhkan dan CCC di Singapura merupakan dewan perniagaan yang terpenting pada ketika itu. Persatuan ini merupakan organisasi tertinggi yang membela nasib kaum Cina dan peranannya menjangkau batasan persatuan dialek (Wan Norhasniah Wan Husin, 2012).

Penglibatan orang Cina dalam pelbagai persatuan adalah diikat dengan hubungan kepuakan yang mempunyai kaitan dengan perasaan setia yang kuat terhadap negara asal mereka iaitu China. Ikatan istimewa dengan tanah kelahiran menimbulkan keinginan untuk mengekalkan identiti bangsa dan budaya mereka serta keadaan sosial dan politik. Kesetiaan terhadap keluarga dan tanah kelahiran merupakan elemen asas nasionalisme mereka. Majoriti nasionalis Cina memperlihatkan kecenderungan politik mereka terhadap China iaitu perkembangan terkini dalam politik di negara asal mereka juga telah mempengaruhi orang Cina walaupun golongan ini telah berhijrah keluar lebih awal lagi, "In other words, overseas Chinese nationalism was not component part of the indigenous nationalist movement, but an expansion of modern Chinese nationalism" (Yen, 1976). Kebangkitan sentimen politik ini berjaya dilakukan melalui agen yang datang dari China dan akhbar tempatan kerana

hubungan erat telah terjalin antara kerajaan China dengan komuniti Cina seberang laut (Ching, 2002).

Di Tanah Melayu, kaum Cina memang jelas banyak dipengaruhi oleh suasana politik yang berlaku di negara China. Penglibatan orang Cina dalam politik di sekitar era perang dunia pertama memperlihatkan hubungannya dengan Kuomintang (KMT) atau Parti Nasionalis di Tanah Melayu iaitu sebuah organisasi politik yang menguasai T'ung Meng Hui, parti Sun Yat-sen semasa tempoh revolusi menentang Manchu. Kuomintang cawangan Singapura terbentuk dan didaftarkan dengan kerajaan pada tahun 1913 di bawah nama *Singapore Communication Lodge*. Pengasas bagi pertubuhan ini termasuklah Tan Chay Yan, Teo Eng Hock, Lim Boon Keng, Wu Chin Seng, Tan Boo Biat, Lim Nee Soon, Tan Chor Lam dan Yin Hsueh Chun (Leong, 1976).

Aktiviti politik perkauman dan propaganda anti-Inggeris dalam kalangan kaum Cina semakin meningkat kesan daripada perpecahan antara golongan Kuomintang dengan komunis di Tanah Besar China. Bagi memastikan keadaan ini tidak berterusan British telah mengenakan tindakan yang keras (Roff, 2003). Jabatan Pelindung Orang Cina menggunakan istilah *revolutionary societies* merujuk kepada persatuan yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menjatuhkan dinasti Manchu di China. British tidak membenarkan sebarang pertubuhan politik yang mempunyai kaitan dengan tujuan tersebut kerana walaupun ia bertujuan menentang Manchu tetapi masih memberi kesan bahaya kepada undang-undang tempatan. Sebarang bantahan terhadap tindakan buang daerah atau menghalau keluar orang Cina yang terlibat dengan politik juga tidak akan dibenarkan. Persatuan yang ditubuhkan dengan tujuan politik biasanya berselindung menggunakan nama kelab bacaan dan sekolah (*Selangor Secretariat 5482/1911*, Memorandum on Revolutionary Societies Individual).

Tanda sokongan orang Cina terhadap perjuangan parti KMT dilakukan dengan penubuhan beberapa cawangan parti yang bernaung di bawah kelab bacaan. Di Pulau Pinang misalnya, KMT didaftarkan di bawah kelab bacaan seperti Teong Wah & Co. yang berpusat di *Chinese Philomatic Union*. Bermula tahun 1913 hingga 1920 sebanyak 24 buah cawangan KMT didaftarkan di bawah 'Societies Enactment Federated Malay States'. Cawangan KMT yang tidak didaftarkan sebenarnya melebihi daripada jumlah yang didaftarkan (*CO 273/516*, *The Malayan Bulletin of Political Intelligence March 1922*). Permohonan untuk mendaftar persatuan seumpama ini telah ditolak di Singapura dan Pahang pada tahun 1911. Di Chenderiang, Blat, Kuala Lumpur dan Salak South, persatuan seperti ini telah dipaksa untuk memansuhkannya. Di Negeri Sembilan, kelab bacaan telah diserbu oleh pihak polis (*Selangor Secretariat 5482/1911*, Memorandum on Revolutionary Societies Individual). Penubuhan kelab bacaan adalah bertujuan untuk memudahkan golongan revolusi daripada kumpulan Sun Yat Sen untuk menyampaikan ceramah dan membaca karya sastera yang mempunyai elemen politik. Kebanyakan daripada kelab membaca ini menubuhkan sekolah yang menjadi perantara untuk menyebarkan pemikiran Sun Yat Sen dalam kalangan kanak-kanak (Lee, 2011).

Bukan kesemua orang Cina bersetuju dengan gerakan nasionalisme yang menimbulkan huru-hara, terdapat pemimpin Cina yang tidak mahu kekacauan timbul berikutan daripada perkembangan politik. Orang Cina dalam tahun sebelum 1920-an masih lagi mempunyai perasaan yang kuat terhadap tanah air mereka, sebarang kekacauan yang ditimbulkan oleh mereka akan mendapat tindakan yang keras daripada British. Mereka beranggapan tindakan keras dikenakan terhadap mereka kerana status sebagai imigran. Perkara ini dinyatakan oleh pemimpin Cina antaranya ialah ucapan oleh Li Shiu Keng pada tahun 1912 di Kuala Lumpur iaitu berikutan daripada berlakunya pergaduhan antara suku Cina yang berasal dari Hokkien dan Kwangtung. Beliau menyatakan, "We are aliens in a foreign land, and it is feared that such barbarous behaviour will not be tolerated" (*Selangor Secretariat 1040/1912*, Chinese Disturbances, article appeared in the Malay Mail of 23.2.12).

Oleh itu, pemimpin Cina yang mempunyai hubungan baik dengan British akan sentiasa cuba mengingatkan kaumnya supaya tidak melakukan tindak tanduk yang mungkin menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang dan dihalau keluar dari Tanah Melayu.

Berikutan daripada dasar British tersebut, perkembangan persatuan orang Cina yang ditubuhkan kebanyakan masih lagi untuk tujuan sosial dan rekreasi. Mereka merupakan kaum yang paling banyak menubuhkan persatuan misalnya pada tahun 1916, di Perak kebanyakan persatuan ditubuhkan oleh orang Cina iaitu enam persatuan adalah untuk orang Cina dibandingkan dengan orang Sikh yang menubuhkan dua persatuan, dan masing-masing satu persatuan untuk orang Jepun dan Melayu (*Perak Administration Report*, 1916). Begitu juga di Selangor, persatuan yang ditubuhkan oleh orang Cina masih lagi mendahului jumlahnya berbanding kaum lain. Pada tahun 1924, persatuan orang Melayu yang ditubuhkan adalah sebanyak sembilan buah, orang Cina menubuhkan 90 buah persatuan dan orang India sebanyak 17 buah persatuan (*Sel. Sec. 848/1925*, Chinese Protectorate Annual Report 1924).

Menjelang Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina keseluruhannya semakin celik politik dengan perkembangan *Anti-Japanese National Salvation Movement* antara tahun 1937 dan 1941. Pada tahun 1931, tentera Jepun telah menyerang Manchuria yang merupakan wilayah negara China. Kemuncak penyerangan kuasa Jepun berlaku dengan teretusnya “Peristiwa Lukouchiao” pada tahun 1937. Dengan peristiwa ini, gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu juga memuncak. Pemimpin persatuan Cina meneruskan kempen pemboikotan barangan dan memulakan pungutan dana untuk Tabung Bantuan China. Persatuan Pungutan Tabung Bantuan merupakan pertubuhan yang pertama di Singapura, 207 buah persatuan jenis ini dan juga pelbagai pertubuhan anti-Jepun mula ditubuhkan di merata-rata tempat di Tanah Melayu (Thock, 2007). Perluasan aktiviti politik orang Cina berkaitan dengan negara China hingga telah menimbulkan rusuhan menambah keraguan orang Melayu terhadap kejujuran kesetiaan mereka kepada Tanah Melayu. Orang Melayu melihat penglibatan orang Cina di dalam rusuhan seperti ini sebagai sikap yang biadap. “Sudahlah awak menumpang ditempat orang maka awak hendak bermaharajalela pula macam tempat awak sendiri. Adakah boleh? Tentu tidak” (Warta Malaya, 7 Mac 1938).

Melihatkan kepada jumlah penubuhan persatuan orang Cina yang meningkat dan besar jumlahnya berbanding persatuan kaum lain, menunjukkan mereka diberi kebebasan oleh British dalam semua lapangan kecuali politik. Tekanan untuk menerima ideologi daripada negara asal dan berikutan daripada gerakan kebangsaan dari Tanah Besar China, semangat berpolitik di dalam persatuan Cina semakin kuat. Peringkat permulaan persatuan adalah di atas keperluan untuk menjaga keselamatan, memenuhi keinginan sosial dan budaya. Namun dengan perkembangan politik yang berlaku di China telah membawa perubahan dan kepelbagaian dalam persatuan-persatuan kaum Cina. Bagi orang Cina, mereka mahu mengukuhkan komuniti dan masih menumpukan taat setia kepada negara China. Selain daripada politik, mereka juga giat memperkenalkan elemen budaya Cina asli kepada kaum mereka.

### **Perkembangan Persatuan Kaum India**

Usaha awal yang dilakukan oleh kaum India untuk mengukuhkan identiti kaum mereka berlaku pada tahun 1892. Pada tahun tersebut langkah pertama diambil untuk menubuhkan persatuan oleh sekumpulan orang India berpendidikan Inggeris di Pulau Pinang. Persatuan ini ditubuhkan untuk memberi kemudahan kepada kaum India di Pulau Pinang untuk menjalankan aktiviti sosial budaya. Persatuan ini tidak bertahan lama dan tidak diketahui pencapaian yang pernah diperolehi. Kesemua persatuan pada peringkat awal ini dipanggil

persatuan India. Penubuhan persatuan bagi golongan imigran India adalah berasaskan kepada kawasan asal mereka. Persatuan ini tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain dan tidak ada usaha untuk menyelaraskan persatuan yang ada ketika itu (Kailasan, 2015).

Penubuhan persatuan dalam kalangan orang India adalah penting kerana melaluinya sumbangan dapat diberikan semasa kaum India mengalami kesukaran hidup antaranya ialah Persatuan India Pulau Pinang dan Selangor telah menubuhkan jawatankuasa pengangguran untuk membantu buruh India pulang ke kampung asal mereka. Persatuan ini mendapat bantuan daripada badan persendirian Eropah. Selain itu, Persatuan India Pulau Pinang telah membuka dispensari percuma dan kedai runcit yang dijual dengan harga murah untuk golongan miskin (Mahajani, 1960). Bagi membantu masyarakat India dari segi ekonomi terdapat persatuan yang ditubuhkan dengan tujuan tersebut. Antaranya ialah sebuah persatuan untuk pekerja yang bekerja kerajaan di Pahang iaitu *Pahang Government Servants' Thrift and Loan Society*. Ahlinya seramai 804 orang dengan jumlah modal sebanyak \$165,800. Persatuan ini memberikan pinjaman kepada ahlinya (*Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1938*). *Thrift and Loan Society* dikategorikan sebagai koperasi bandar yang dikhaskan untuk pekerja bergaji (*F.S. 1948-57, 1447/1949*, Report by B. J. Surridge, O. B. E, Adviser on Co-operation for the Secretary of State for the Colonies on Co-operation in the Federation, 23 Nov. 1949). Pada tahun 1922, koperasi luar bandar yang pertama telah ditubuhkan di bawah *Co-operative Societies Enactment* di Krian, Perak (*Federal Council Proceedings*, 1923).

Pada tahun 1922, persatuan bagi golongan kerani India telah ditubuhkan di Singapura dan kemudiannya ditubuhkan di Kuala Lumpur. Namun begitu, penubuhan persatuan ini hanya untuk tujuan rekreasi. Dalam tahun 1930-an, kesan daripada berlakunya banyak pengangguran dalam kalangan kerani, persatuan ini berkembang menjadi persatuan sekerja dan memberi khidmat sosial (Stenson, 1968). Persatuan tersebut dikenali sebagai *Selangor Indian Association* dan mendapat pengiktirafan daripada kerajaan sebagai mewakili kaum India. Wakil kaum India di dalam MMP, *Discharged Prisoners Society* dan *Indian Immigration Committee* merupakan ahli *Selangor Indian Association* (Ampalavanar, 1981).

Selepas Perang Dunia Pertama, kaum India mempunyai minat terhadap nasionalisme dan kemerdekaan India kesan daripada pengaruh politik tokoh India iaitu Gandhi (Arasaratnam, 1972). Pengaruh ini begitu ketara penyebarannya di Lembah Kelang. Di Perak juga pengaruh ini semakin kuat apabila dua buah persatuan orang India ditubuhkan di Ipoh pada tahun 1921 yang mana kedua-dua persatuan ini juga mempunyai hubungan dengan negara India. Persatuan tersebut ialah *Thatchana Murthi Tamil Vasaga Salay* dan *Dhana Vaisiya Sangam* (Khuo, 1992). Ipoh telah menjadi bandar penting dalam perkembangan persatuan orang India. Perkembangan ini berlaku kerana banyak dibantu oleh individu yang menggerakkan aktiviti persatuan. Terdapat tiga individu penting yang memainkan peranan dalam menggerakkan kaum India ke arah berpersatuan iaitu Sengalraya Naidu, T. V. Pillai and S. Gulam Mohidin (Ampalavanar, 1981).

Peningkatan jumlah orang India yang berpendidikan sama ada tempatan atau imigran berpendidikan juga menjelaskan mengapa berlaku kebangkitan politik ketika ini. Kangani juga merupakan golongan yang telah memberi sumbangan kepada kepimpinan politik dalam kalangan kaum India. Golongan pertengahan kaum India telah banyak menyumbang kepada kemunculan akhbar mereka antaranya ialah *Desa Bhaktan*, Dinamani pada tahun 1934 dan *Tamil Nadu* tahun 1926 tetapi kedua-duanya tidak memberi impak yang besar kepada orang India. Akhbar kaum India berbahasa Inggeris memberi kesan yang lebih besar kepada mereka. Akhbar ini muncul pada 1920an dan 1930-an yang menumpukan kepada persoalan orang India di Tanah Melayu. Mereka mendesak supaya dibuat penambahbaikan dalam membawa masuk imigran India dan menuntut diberi kewarganegaraan bagi orang India di

Tanah Melayu. Akhbar tersebut antaranya ialah “Hindu” of *Madras*, “Amrita Bazar Patrika” dan “Leader” of *Allahabad* (Ampalavanar, 1981).

Pada tahun 1900-an, kesedaran serta penghayatan ajaran agama Hindu di Tanah Melayu telah kelihatan dalam kalangan orang Tamil Sri Lanka, golongan Chettiyar dan orang India yang berpendidikan. Kesedaran ini tercetus apabila golongan di atas terlibat dalam aktiviti sosial dalam kelab rekreasi tertentu. Kelab ini bukan hanya menjadi pusat hiburan malah membuka ruang bagi golongan ini membincangkan isu-isu agama dan sosial kaum India. Perbincangan seperti ini telah membawa kepada penubuhan persatuan atau pertubuhan agama Hindu (Arasaratnam, 1970).

Selain itu, perkembangan reformis yang telah berkembang sejak tahun 1815 (Persatuan Atmiya) di India turut mempengaruhi masyarakat India di Tanah Melayu pada waktu itu. Usaha dan aktiviti reformis India dalam mempertahankan agama Hindu telah turut memberi suntikan semangat kepada masyarakat India di Tanah Melayu untuk memelihara dan menyediakan peluang untuk mempelajari ajaran agama Hindu. Usaha memelihara warisan agama Hindu turut dimulakan oleh golongan berpendidikan Inggeris. Masyarakat Tamil Ceylon telah menubuhkan Pertubuhan Vivekananda Ashrama pada tahun 1904. Pertubuhan ini berasaskan kepada tujuan untuk menyebarkan falsafah Vedantha dan ajaran Ramakrishna Paramahansa dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Pertubuhan ini juga telah terlibat dalam aktiviti sosial dan pendidikan. Usaha ini telah membuka ruang kepada pengurusan pentadbiran Sekolah Tamil Tambusamy Pillai pada tahun 1906 di Sentul, Kuala Lumpur. Pertubuhan ini juga telah berjaya membina sekolah Tamil iaitu Sekolah Tamil Vivekananda di Brickfields, Kuala Lumpur pada tahun 1914 (Rajoo, 1983).

Persatuan Pemuda Hindu telah ditubuhkan di Taiping pada tahun 1918 yang diasaskan oleh A. Viswalingam. Pertubuhan ini telah membolehkan orang Tamil Ceylon dan orang India lain menjalin hubungan persahabatan dan mula bekerjasama antara satu sama lain. Pada tahun 1930an berlaku perkembangan nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan di India. Keadaan yang berlaku ini telah mendapat perhatian kaum India di Tanah Melayu. Kesannya, perhatian dan tindakan pelbagai pertubuhan kaum India di Tanah Melayu termasuk pertubuhan agama Hindu telah terarah kepada semangat nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan negara India. Hal ini telah membolehkan pelbagai pertubuhan orang India di Tanah Melayu menjalin hubungan persahabatan sesama mereka dan meningkatkan kerjasama (Subramaniam, 2014).

Kehadiran wakil India ke Tanah Melayu bagi melihat keadaan buruh India juga sebenarnya adalah bertujuan untuk mengingatkan orang India tentang identiti mereka sebagai rakyat India (Ratnam, 1965). Sentimen ini diperkuatkan lagi secara terbuka oleh pemimpin mereka iaitu Nehru yang melawat pada tahun 1937. Beliau yakin bahawa orang India masih lagi sayang dan taat dengan negara India. Perkara ini dapat dilihat melalui sambutan ulangtahun kelahiran tokoh penting India. Umumnya, kaum India di Tanah Melayu mengetahui tentang ulang tahun kelahiran Nehru, Gandhi, Subhas C. Bose dan Jinnah. Malahan ulang tahun Gandhi telah diraikan oleh *Young Men's Indian Association* dan *Kinta Indian Association* pada tahun 1930-an. Ulangtahun kelahiran Subhas C. Bose telah diraikan oleh golongan muda India di Kelang dan Taiping pada tahun 1940 dan 1941 iaitu sebagai tanda kesetiaan mereka kepada perjuangan beliau. Manakala golongan India Muslim pula meraikan ulang tahun kelahiran Jinnah pada tahun 1938, 1939 dan 1940 sebagai penghormatan kepada Liga Muslim (Ampalavanar, 1981).

Perkembangan persatuan yang merentasi sub-budaya dalam kalangan mereka dilihat hanya berlaku pada tahun 1941. Ketika ini barulah terdapat organisasi politik pan-India iaitu *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) yang ditubuhkan pada tahun 1936 dan hanya didaftarkan pada Februari 1937. Orang Tamil bukan lagi menjadi majoriti di dalam organisasi ini tetapi mewakili sebahagian besar daripada persatuan orang India (Kailasan, 2015).

Organisasi ini dipengaruhi oleh nasionalisme India yang radikal dan mereka kerap mengkritik pemerintahan British terutamanya berkaitan eksploitasi buruh. Pemimpin persatuan ini merupakan golongan berpendidikan dan terkemuka. Mereka ini jugalah yang memperjuangkan supaya kaum India diberi kerakyatan kerana bagi mereka imigrasi tidak membawa kebaikan jika penghijrahan orang India hanya untuk bekerja sebagai buruh sahaja tetapi mesti juga diterima di negeri-negeri Melayu (Ramasamy, 1994).

Usaha kaum India untuk bersatu merentasi sub kaum dapat dilihat apabila orang India merasakan perlu untuk mempunyai suatu pucuk pimpinan. Oleh itu, mereka telah menubuhkan persatuan bagi mewakili masyarakat India (Maniam, 1988). Lawatan Pandit Nehru yang mewakili Parti Kongres Kebangsaan India ke Tanah Melayu pada tahun 1937 adalah pencetus utama kepada penubuhan CIAM dan Dr. A. M. Soosay dipilih sebagai presiden pertama CIAM di Tanah Melayu. Penubuhan persatuan tersebut dianggap sebagai satu titik peralihan arena politik masyarakat India. Selepas penubuhan CIAM pada tahun 1938, Presiden CIAM membuat kenyataan pertama iaitu:

*There is absolutely nothing in common between the politics of India and the politics of Malaya and I am sure the association will never make the mistake of importing Indian politics into this country, as an act of such a nature will only injure us.*

Tumpuan CIAM antaranya ialah membentuk satu organisasi kesatuan yang dapat melindungi kepentingan buruh ladang dan pekerja di dalam jabatan kerajaan. Pada tahap awal, peranan CIAM dalam membela kepentingan buruh India tidak mendapat perhatian kerana menganggap peranannya hanyalah untuk melindungi kepentingan golongan profesional. Campur tangan CIAM dalam demonstrasi bantahan buruh di Klang pada tahun 1941 memberi satu keyakinan dan harapan kepada buruh ladang terhadap peranan CIAM (Ampalavanar, 1981).

Selepas tahun 1937, ketika CIAM dipimpin oleh N. Raghavan, beliau lantang menyuarakan kebajikan pekerja India antara agenda pentingnya ialah permasalahan gaji, kedudukan pekerja, penggunaan tabung penghijrahan buruh India dan soal pendidikan anak pekerja. Matlamat utamanya ialah untuk mengangkat status kaum India dengan memperbaiki masalah yang dihadapi oleh majoriti mereka iaitu golongan buruh. Inilah yang menyebabkan CIAM mendapat perhatian daripada kaum buruh India. Dalam masa yang sama CIAM juga mempunyai hubungan politik khususnya dengan Parti Kongres Kebangsaan India yang menentang penjajahan British untuk menuntut kemerdekaan negara India (Stenson, 1980). Walaupun sambutan yang menggalakkan diberikan oleh golongan buruh India kepada penubuhan CIAM di kawasan ladang tetapi penyertaan golongan ini tidak mendapat kebenaran yang sah daripada pemilik ladang (Ramalingam, 2009).

Berikutan daripada tindakan *United Planting Association of Malaya* (U.P.A.M) pada Januari 1938 yang telah mempertimbangkan untuk memotong gaji buruh ladang getah kerana pengurangan pengeluaran getah eksport di bawah perjanjian getah antarabangsa, CIAM telah menghantar telegram ke India pada Mac 1938 dan mahu memastikan bahawa buruh India di Tanah Melayu tidak terjejas keadaannya. Oleh itu, mereka mahukan buruh dari India dihentikan penghantarannya sebelum masalah gaji dapat diselesaikan (*Files of Labour Department 1939. Despatch from New Delhi correspondence to Straits Times (Singapore) 8<sup>th</sup> December 1939*). CIAM juga aktif menggalakkan pembentukan kesatuan buruh. Tokoh penting dalam CIAM merupakan individu yang sama terlibat dalam pembentukan Kesatuan Buruh India Segamat pada tahun 1938. Pada tahun 1939, Persatuan Buruh Johor India telah ditubuhkan dengan mendapat sokongan daripada CIAM (Ampalavanar, 1981).

Kaum India didapati sukar untuk menubuhkan persatuan atau menghadapi kegagalan dalam mengekalkan persatuan mereka kerana kaum India mempunyai pecahan suku kaum



yang kekal terpisah. Golongan India berpendidikan Inggeris yang menubuhkan persatuan didapati tidak peka dengan perbezaan ini. Mereka bertindak seolah-olah kesemua orang India yang datang dari Asia selatan adalah terdiri daripada satu kaum sahaja. Persatuan yang merentas suku kaum masih tidak dapat diterima lagi oleh kaum India seluruhnya (Kailasan, 2015). Dalam satu keadaan yang lain, kaum India masih lagi sukar menerima pemimpin daripada suku yang berbeza. Dari segi pelantikan wakil orang India, berlaku keadaan di mana orang India seluruhnya tidak bersetuju Tamil Sri Lanka dilantik sebagai wakil mereka. Bagi mereka orang Tamil Sri Lanka hanya minoriti dalam kalangan mereka dan tidak sepatutnya dilantik sebagai wakil orang India. Oleh itu, komuniti Ceti pernah mengusulkan supaya seorang wakil dalam kalangan mereka iaitu N. K. V. Valiappa Chettiar yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris pula dilantik sebagai ahli *Sanitary Board*, Kelang bagi menggantikan wakil sebelum ini yang merupakan Tamil Sri Lanka (*Sel. Sec. G. 2500/1931*, Chettiars' Chambers of Commerce (F.M.S), Klang. Asks that an Indian be appointed as unofficial member of the Sanitary Board, Klang). Orang India seluruhnya begitu tegas tidak mahukan orang Tamil Sri Lanka menjadi wakil mereka di Majlis Mesyuarat. Sedangkan di negeri-negeri lain seperti di Pahang, permintaan orang India diletakkan perwakilan bagi setiap badan awam tidak dapat dipenuhi kerana ketiadaan individu yang berkelayakan. Begitu juga di Kuala Lumpur, apabila pentadbir British menghadapi masalah untuk mencari orang India yang berkelayakan dan komited untuk diletakkan di dalam *Sanitary Board* (*Pahang Confidential 61/1938*, Reduction of wage of Indian estate labourers in Malaya). Orang Tamil Sri Lanka merupakan golongan berpendidikan dan mereka masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja sebahagian besarnya di dalam bidang perkeranian. Oleh itu, mereka adalah golongan yang dilihat oleh British sebagai mampu untuk menduduki kerusi di dalam Majlis Mesyuarat mewakili orang India umumnya.

Sebuah pertubuhan yang dilihat tidak mengira kaum dalam keahliannya adalah PKM. Parti ini sentiasa cuba untuk merekrut buruh India. Menurut Leong Yee Fong, hubungan Parti Komunis Malaya dengan buruh India tidak ketara sepanjang 1930-an. Ketika berlakunya kebangkitan dan mogok buruh India di Kelang pada tahun 1941 tidak banyak bukti yang menunjukkan terdapat pengaruh komunis kecuali R. K. Thangaiyah, komunis India yang terlibat sebagai jawatankuasa organisasi mogok tersebut dan R. H Nathan yang cuba untuk mengukuhkan hubungan dengan organisasi pengawal komunis, *Selangor Manufacturing Labourers' Association*. Disebabkan oleh kelemahan organisasi dan amalan orientasi politiknya adalah pro orang Cina, sudah pasti ia gagal untuk mendapat sokongan orang India. Keadaan buruh ladang yang terpisah daripada arus kebangkitan industri pada tahun 1930-an, juga tidak banyak menunjukkan tanda-tanda terdapatnya kesedaran politik bersifat asing selain daripada yang dibawa dari India. Mereka tinggal di petempatan yang disediakan oleh ladang, menyebabkan mereka terperangkap dengan struktur sosial ladang dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan ladang. Ladang merupakan harta persendirian sebarang unsur anasir luar yang cuba memasuki buruh ladang akan dihalang oleh pihak pengurusan (Leong, 1990).

Kaum India pula hanya mendapat inspirasi daripada perkembangan nasionalisme di India dan menjadi semakin menyedari untuk memperbaiki kedudukan politik dan sosial mereka di Tanah Melayu. Sekurang-kurangnya pengaruh politik terutamanya daripada PKM dan Persatuan India telah menyediakan sedikit peluang kepada mereka dari segi kepimpinan untuk pergerakan buruh (Leong, 1976). Kesatuan sekerja yang ditubuhkan masih belum dapat menyatukan kaum yang ada di Tanah Melayu. Hakikatnya, hasrat PKM yang mahu merekrut kaum selain daripada Cina juga tidak menunjukkan kejayaan.

Keadaan pekerja India yang dikongkong dan diawasi atau dijaga oleh agen yang dilantik oleh kerajaan India sejak tahun 1923 tidak memungkinkan mereka untuk aktif di dalam politik (McIntyre, 1964). Ini dapat dilihat berdasarkan kepada perkembangan jumlah

keahlian yang tidak menggalakkan dalam persatuan yang ditubuhkan. Menurut *Pahang Annual Report* tahun 1936, jumlah persatuan yang sedia ada hanya empat dengan keahlian seramai 664 orang. Menjelang tahun 1937, masih lagi kekal jumlahnya iaitu empat persatuan buruh India dengan keahlian seramai 892 orang. Modal yang terdapat pada persatuan tersebut berjumlah \$16 231 berbanding tahun 1936 seramai 664 orang dengan modal berjumlah \$10 394 (*Annual Report on the social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937*). Pada tahun 1939, empat persatuan buruh India yang terdapat di Pahang telah menurun jumlah keahliannya daripada 1,178 orang pada tahun 1938 kepada 1,094 orang pada tahun 1939 (*Annual Report on the social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1939*). Persatuan yang ditubuhkan juga adalah persatuan yang bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada ahli-ahlinya. Kesemua kekangan dan tindakan menghalang perkembangan anasir politik dalam kalangan kaum India oleh British telah menyebabkan persatuan atau gerakan yang berunsur politik tidak berkembang sebelum perang dunia kedua.

Usaha awal penubuhan persatuan yang dilakukan oleh kaum India adalah untuk mengukuhkan identiti kaum mereka. Kegiatan agama dan budaya mempengaruhi sebahagian besar daripada penubuhan persatuan kerana keperluan untuk menjalankan upacara dan perayaan keagamaan. Kesedaran golongan berpendidikan dalam kalangan mereka untuk membantu kaum yang dalam kesusahan semasa kemelesetan ekonomi juga telah menyebabkan mereka menubuhkan persatuan untuk menyalurkan bantuan kepada golongan buruh India. Perkembangan politik yang berlaku di India telah menjadi inspirasi nasionalisme dan membangkitkan kesedaran kepada kaum India untuk memperbaiki kedudukan politik dan sosial mereka di Tanah Melayu. Persatuan seperti ini juga telah juga memainkan peranan penting dalam menyuarakan kebajikan buruh India terutamanya buruh di ladang getah.

## **Kesimpulan**

Penebalan perkauman dalam masyarakat majmuk di Tanah Melayu semakin ketara apabila setiap kaum menubuhkan persatuan yang berasaskan keperluan mengekalkan kelangsungan identiti atau nilai budaya kaum serta menyebarkan nasionalisme. Mereka telah menggunakan persatuan untuk menyedarkan kaum dan mengengahkan perjuangan mereka. Tuntutan dari setiap kaum juga telah disuarakan daripada persatuan mereka. Malahan yang paling penting melalui persatuan, kesedaran terhadap kedudukan dan hak mereka telah disalurkan iaitu dengan penjelasan oleh pemimpin mereka.

Perkembangan persatuan dalam kalangan masyarakat majmuk di Tanah Melayu mempunyai cirinya yang tersendiri bagi setiap kaum. Tercetusnya usaha menubuhkan persatuan adalah untuk menyatukan orang Melayu dalam memperbaiki ekonomi, sosial dan politik serta menghalang perkembangan pengaruh kaum Cina dan India. Orang Cina lebih ke hadapan dalam berpersatuan, pelbagai persatuan ditubuhkan mengikut keperluan dan kepentingan mereka dari segi ekonomi dan sosial yang mana kebanyakannya adalah berasaskan kepada kebiasaan dan amalan budaya yang diwarisi dari negara asal. Begitu juga dengan persatuan yang mempunyai unsur politik pula banyak tercetus dan dipengaruhi oleh suasana politik dari negara asal. Bagi orang India pula situasi yang dialami adalah sebaliknya, pelbagai sekatan dilakukan oleh British hingga menyebabkan perkembangan persatuan dalam kalangan orang India tidak begitu memberangsangkan kerana sebelum tahun 1924 kesedaran politik orang India yang pada dasarnya anti-British sangat membimbangkan pentadbiran British. Namun, demi untuk membantu orang India yang kesusahan dari segi kewangan dan bantuan lain yang diperlukan sebagai pekerja di ladang-ladang, persatuan tetap ditubuhkan oleh golongan berpendidikan walaupun kurang mendapat sambutan daripada masyarakat

tersebut. Agama Hindu dan budaya juga menjadi asas kepada penubuhan persatuan dalam kalangan orang India. Sebagaimana, orang Cina, orang India juga telah menyuarakan tentang keinginan mereka untuk mendapatkan perhatian dan bantuan daripada British dalam pelbagai aspek. Kesemua ini sebenarnya telah memberi kesan kepada orang Melayu iaitu dari segi kesedaran untuk mempertahankan kedudukan mereka sebagai anak tempatan kerana orang Melayu menjadi semakin khuatir apabila orang Cina dan India menunjukkan kekuatan mereka dan menyalurkan hasrat kepada British melalui persatuan.

## **Bibliografi**

### *Dokumen Rasmi*

- Annual Report on the social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937. 1939.
- CO 273/516. The Malayan Bulletin of Political Intelligence March 1922.
- F.M.S. Proceedings of Federal Council. 1917.
- F.S. 1948-57, 1447/1949. 1949. Report by B. J. Surridge, O. B. E, Adviser on Co-operation for the Secretary of State for the Colonies on Co-operation in the Federation. 23 Nov. 1949.
- Federal Council Proceedings 1923.
- Federated Malay States Annual Report 1932.
- Files of Labour Department 1939. Despatch from New Delhi correspondence to Straits Times (Singapore) 8<sup>th</sup> December 1939.
- Pahang Confidential 61/1938. Reduction of wage of Indian estate labourers in Malaya.
- Perak Administration Report 1915. 1916. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office.
- Perak Administration Report 1919. 1920. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office.
- Sel. Sec. 848/1925. Chinese Protectorate Annual Report 1924.
- Sel. Sec. G. 2500/1931. Chettiars' Chambers of Commerce (F.M.S), Klang. Asks that an Indian be appointed as unofficial member of the Sanitary Board, Klang.
- Selangor Secretariat 1040/1912. Chinese Disturbances, article appeared in the Malay Mail of 23.2.12.
- Selangor Secretariat 5482/1911. Memorandum on Revolutionary Societies individual.
- SP. 2006/0042190. Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad, Majalah Guru, Bil 9, 1 September, 1929.

### *Buku*

- Abd. Aziz Ahmad & Alias Mohamed. 2004. *Persatuan Melayu Selangor*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Ampalavanar, Rajeswary. 1981. *The Indian Minority and Political Change in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Arasaratnam, Sinappah. 1970. *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press.
- Daud Latiff. 1977. Contradictions in Pre-war Colonialism, 1930-41. *Malaya: The Making of A Neo-Colony*, Nottingham: Spokesman.
- Ishak Saat. 2011. *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1991. *Malay Society, Transformation & Demoralisation*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.

- Lee Ting Hui. 2011. *Chinese Schools in Peninsular Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Lee, Edwin. 1991. *The British as Rulers Governing Multiracial Singapore 1867-1914*. Singapore: Singapore University Press.
- Mahajani, Ushas. 1960. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*. Vora & Co. Publishers Private Ltd.: Bombay.
- Naosaku Uchida. 1960. *The Overseas Chinese*. Hoover Institution Bibliographical Series VII: Stanford University.
- Parsons, Talcott. 1960. *Structure and Process in Modern Societies*. New York: The Free Press.
- Phillips, Bernard S. 1969. *Sociology: Social Structure and Change*. London: Collier-Macmillan Limited.
- Purcell, Victor. 1960. *The Chinese in Modern Malaya*. Singapore: D. Moore.
- Ramasamy, P. 1994. *Plantation Labour, Unions, Capital, and the State in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ratnam, K. J. 1965. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Roff, W. R. 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, W. R. 2003. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. 2011. *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Stenson, Michael. 1980. *Class, Race and Colonialism : The Indian Case*. St. Lucia: University of Queensland Press.
- Strati, Antonio. 2000. *Theory and Method in Organization Studies: Paradigms and Choices*. London: SAGE.
- Thock Ker Pong. 2007. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2012. *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wang Gungwu. 2001. *Only Connect!, Sino-Malay Encounters*. Singapore: Times Academic Press.
- Yen Ching-hwang. 1976. *The Overseas Chinese and the 1911 revolution, with special reference to Singapore and Malaya*. Kuala Lumpur; New York : Oxford University Press.

#### *Bab Buku*

- Cheah Boon Kheng. 1985. Evolusi Sebuah Negara Persekutuan Malaysia: Satu Perspektif Sejarah. Dlm. *Masyarakat Malaysia Edisi II, Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- McIntyre, David. 1964. Political History 1896-1946. In. *Malaysia: A Survey*. London: Pall Mall Press.
- Mohd. Kornain bin Hashim. 1980. Soal Kaum Imigren dalam Akhbar Melayu (1930an). Dlm. *Lembaran Akhbar Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Silcock, T. H. & Ungku Abdul Aziz. 1966. Asian Nationalism and the West. In. *Malaysia Selected Historical Readings*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Taku Suyama. 1962. Pang Societies and the Economy of Chinese Immigrants in Southeast Asia. In. *Papers on Malaya*. Singapore: Department of History, University of Malaya in Singapore.

Yen Ching Hwang. 2000. A Social History of the Chinese. In. *The Chinese in Malaysia*. Shah Alam: Oxford University Press.

#### *Jurnal*

- Arasaratnam, S. 1971/1972. Political Attitudes and Political Organization Among Malaysian Indians 1945-1955. *Jurnal Sejarah*. Jilid X.
- Kailasan, Ambalakan. 2015. Political Expediencies and the Process of Identity Construction: The Quest for Indian Identity in Malaysia. *Kajian Malaysia*. Vol. 23. No. 1.
- Khoo Kay Kim. 1992. The Indian Association Movement in Peninsular Malaysia: The Early Years. *JMBRAS*. Vol. 65. No. 263.
- Radin Soenarno. 1960. Malay Nationalism 1896-1941. *Journal of Southeast Asian History*. Vol. 1.
- Rajoo, R. 1983. Ethnicity and Religion among urban Hindus in Paninsular Malaysia. *Jurnal Pengajian India*. Issue 1.
- Ramlah Adam. 1979. Lembaga Malaya 1934-1941. *Malaysia dari segi Sejarah*. No. 8.
- Roff, W. R. 1968. The Persatuan Melayu Selangor. *Journal of Southeast Asian History*. Vol. IX. No. 1.
- Turnbull, C. M. 1974. British Planning for Post-war Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. 5. No. 2.

#### *Tesis*

- Chee Liew Seong. 1971. The Hakka Community in Malaya: With Special Reference to Their Associations, Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ching Jin Yih. 2002. Penyesuaian Imigran dalam Masyarakat Majmuk : Satu Kajian ke atas Peradaban Orang Cina dalam Era Kemerdekaan Malaya. Disertasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jamilah Othman. 1984. Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements during the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries. M. A. Thesis, National University of Singapore.
- Leong Mun Yoon, Stephen. 1976. Sources, Agencies and Manifestations of Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941. Phd Thesis University of California, Los Angeles.
- Leong Yee Fong. 1990. Labour and Trade Unionism in Colonial Malaya: A Study of the Socio-Economic and Political Bases of the Malayan Labour Movement 1930-1957. PhD Thesis University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Ramalingam, Saravanan. 2009. Masyarakat Tamil dan Tentera Kebangsaan India (INA) di Tanah Melayu, 1941-1945. Disertasi Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Stenson, Michael Roger. 1968. Organised Labour, Government and Employers in Malaya 1935-48. Phd. Thesis University of Malaya.
- Subramaniam, Manimaran. 2014. Agama Hindu dan Pembentukan Identiti India Malaysia: Kajian mengenai Pertubuhan-pertubuhan Agama Hindu di Malaysia. Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

#### *Prosiding*

- Maniam, Krishnan. 1988. Sejarah dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India Sebelum dan Selepas Merdeka dan Sumbangan serta Peranannya dalam Masyarakat India. *Seminar Akhbar dan Majalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 25 dan 26 Januari.

Mohammad Redzuan Othman. 2008. Era Islam. Seminar Sejarah Nasional Malaysia.  
Universiti Malaya, 27 November 2008.

*Akhbar*

Chenderamata. Bil. 19, Sept. 1932.

Majlis. 11 & 18 Jun 1937.

*The Straits Times*. 17 Ogos 1939.

Warta Malaya. 5 & 7 Mac 1938.